

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : KEADAAN JALAN PERTANIAN TERUTAMA PEKEBUN-PEKEBUN
KECIL MASIH BERHADAPAN DENGAN MASALAH KEROSAKAN
DAN KURANG PENYELENGGARAAN DIBUAT**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak kerajaan mempunyai kaedah baru untuk membina jalan pertanian?
- b) Jika ada, apakah kelebihan kaedah ini?
- c) Berapakah diperuntukan untuk membina jalan-jalan baru pertanian?

JAWAPAN:

- a) Tiada, masih menggunakan kaedah yang lama.
- b) Tiada.
- c) Tiada peruntukan bagi membina jalan baru walau bagaimanapun peruntukan yang diterima untuk penyelenggaraan jalan menggunakan peruntukan MARRIS adalah sebanyak RM 296,150.76

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : BANTUAN KERAJAAN NEGERI UNTUK TADIKA RAKYAT

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bantuan yang telah disalurkan kepada Tadika Rakyat bermula dari 2013 hingga sekarang?
- b) Adakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah lagi jumlah Tadika Rakyat?

JAWAPAN:

- a) Bantuan yang diberikan kepada Tadika Rakyat bermula pada tahun 2013 sehingga kini disalurkan dalam pelbagai bentuk seperti:
 - I. Bantuan melalui penajaan program yang berjumlah RM40,320 untuk program pembangunan kemahiran guru pada tahun 2015. Bantuan ini salurkan melalui badan bukan kerajaan (NGO) CHILD; dan
 - II. Bantuan yuran pembelajaran kepada pelajar yang layak melalui Skim TUNAS berjumlah RM87,670 (Ringgit Malaysia :Lapan puluh tujuh ribu dan enam ratus tujuh puluh sahaja) dari tahun 2013 hingga 2017.
- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menambah jumlah Tadika Rakyat. Namun begitu, Kerajaan Negeri sedia membantu dari segi untuk peningkatan kemahiran pelajar dan guru-guru Tadika Rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : SKIM SMART LIFE (SMART LIFT IMPROVEMENT FOR QUALITY LIFE)

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci Skim Smart Life dan manfaat bagi rakyat Selangor?
- b) Nyatakan jenis penyelenggaraan dan lokasi perumahan yang telah di selenggara sehingga kini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM30 juta bagi pelaksanaan Skim SMART LIFE yang merupakan bantuan khusus untuk lif yang diberikan kepada pangaspuri kos rendah sahaja (RM42,000.00 ke bawah) seperti berikut:
 - Bantuan baik pulih lif secara percuma tanpa perkongsian kos daripada penduduk.
 - Bantuan bayaran fi firma kompeten untuk penyenggaraan lif (kontrak komprehensif).
- b) Jenis bantuan penyelenggaraan lif yang diberikan adalah Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan untuk membayar fi firma kompeten lif selama setahun. Bantuan ini dapat meringankan beban JMB atau MC terlibat dan membuat penjimatan kos perbelanjaan penyenggaraan bangunan sejumlah antara RM7,000.00 sehingga RM100,000.00 setahun mengikut kawasan masing-masing. Jumlah ini sangat besar kepada JMB atau MC yang mempunyai dana kutipan caj yang sangat terhad untuk membaik pulih kerosakan atau menaik taraf kemudahan komuniti di pangaspuri.

Senarai penerima bantuan kewangan untuk membayar fi firma kompeten lif adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

SENARAI PANGSAPURI SMART LIFE-BANTUAN BAYARAN FI FIRMA KOMPETEN UNTUK PENYENGGARAAN LIF (KONTRAK KOMPREHENSIF)

PBT	BIL PANGSAPURI	NAMA PANGSAPURI	JUMLAH UNIT LIF	ANGGARAN NILAIAN BANTUAN (SETAHUN) RM
MBPJ	2	Damansara Bestari Blok C	2	18,876.48
		Damansara Bestari Blok D	2	17,604.48
MPK	3	Pendamar 7A	1	7,632.00
		Pendamar 7B	3	17,172.00
		Mutiara Bukit Raja - Fasa 2	2	20,352.00
MPSJ	4	Seri Kayan	4	49,989.60
		Anggerik	2	15,264.00
		Sri Tanjung	8	55,968.00
		Pangsapuri Belimbing Cempaka	2	19,200.00
MPAJ	7	Ukay Indah	6	37,540.00
		Bukit Segar Blok A1	2	11,130.00
		Blok Tanjung	2	51,007.20
		Saga Suria, Taman Saga	3	26,712.00
		Pandan Ria Blok A & B	4	25,440.00
		Permai Court 2	2	22,641.60
		Sri Nilam	12	83,952.00
MPKj	2	Teratai, Taman Anggerik Perdana	2	14,678.88
		Teratai Mahkota Cheras	8	81,408.00
MPS	3	Desa Satu (Desa Aman Puri)	14	88,298.00
		Selaseh	1	9540.00
		Sri Saujana & Saujana Ria Apartmen	6	62,328.00
MPSp	1	Cengal	2	18,656.00
JUMLAH	22		90	755,390.24

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : ISU UTAMA WANITA SELANGOR

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah isu utama wanita yang tinggal di bandar ?
- b) Apakah isu utama wanita kampung di Selangor?
- c) Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu-isu tersebut?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan memandang serius terhadap isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh golongan wanita di Selangor tanpa mengira sama ada di bandar mahupun di desa.

Bagi golongan wanita di bandar yang kebanyakannya mereka ini adalah terdiri daripada golongan wanita yang bekerjaya, permasalahan yang timbul adalah isu jurang gender yang terlampau tinggi baik di semua peringkat mahupun dari aspek pasaran buruh.

Menangani isu gender amat penting kerana ianya mampu untuk menyelesaikan hampir seluruh permasalahan wanita yang dihadapi berkaitan sosial dan ekonomi.

Penglibatan wanita dalam tenaga kerja di bandar semakin meningkat iaitu sebanyak 14 peratus pada tahun 2008 kepada 68 peratus pada tahun 2014. Jurang penyertaan tenaga buruh antara lelaki dan wanita yang berpendidikan tinggi juga adalah jauh lebih rendah daripada antara lelaki dan wanita yang mempunyai kelayakan pendidikan yang rendah.

Golongan wanita yang berpendidikan tinggi juga lebih ramai berada di dalam pasaran tenaga kerja berbanding dengan golongan wanita yang mempunyai kelayakan pendidikan yang lebih rendah.

Kajian juga turut menunjukkan bahawa di peringkat membuat keputusan, ianya masih didominasi oleh golongan lelaki yang mencerminkan ketidakseimbangan gender yang luas.

Selain daripada itu, permasalahan dalam mencapai keseimbangan antara kerja dan kehidupan dalam tenaga kerja adalah antara lain isu utama yang dihadapi oleh wanita di bandar.

- b) Manakala bagi golongan wanita kampung di Selangor, isu utama yang dikenalpasti adalah isu kemiskinan yang mana golongan wanita ini menghadapi masalah dalam pendapatan isi rumah dan ada di kalangan wanita ini menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

Sebagai makluman, antara hasil dapatan perbincangan kumpulan bersama responden penyelidikan dalam menyediakan Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan (2017-2020) yang lalu telah menyenaraikan isu utama wanita seperti berikut:

- a. Berpendapatan rendah;
- b. Kemiskinan; dan
- c. Masalah sosial yang dihadapi oleh isi rumah yang diketuai oleh wanita.

- c) Menyedari permasalahan yang dihadapi oleh golongan wanita di Selangor ini, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor dan IWB Selangor dengan kerjasama pelbagai jabatan/agensi di Selangor telah menggariskan tiga langkah awal melalui pelaksanaan program-program dengan kumpulan sasar dan penerima manfaat yang telah dikenal pasti seperti berikut :

1. Penubuhan Koperasi Wanita Negeri Selangor yang akan dianggotai dan diterajui oleh wanita, yang merintis laluan kepada perniagaan berteraskan masyarakat, dipacu dengan prinsip dan dimiliki oleh ahli;
2. Dalam masa yang sama, satu kajian penyelidikan akan dilaksanakan berhubung gender dan jurang pemilikan aset dan cara-cara untuk pengagihan sumber ekonomi antara lelaki dan wanita dengan adil; dan
3. Menambah baik serta meningkatkan kebijakan sosial dan skim pemindahan terus (*direct-transfer schemes*) sedia ada yang akan diberikan kepada wanita dengan isi rumah berpendapatan rendah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKPULIHAN PADANG BOLA
SEPAK AWAM**

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mempunyai perancangan penyelenggaraan dan pembaikpulihan padang-padang bola sepak awam dan adakah inisiatif ini mampu mencungkil bakat baru dalam sukan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa telah mempunyai perancangan penyelenggaraan dan pembakaian padang-padang bola sepak awam setiap tahun. Di antara perancangan penyelenggaraan/skop kerja penyelenggaraan sesebuah padang bola sepak adalah seperti berikut;
- 1) Kerja penyiraman;
 - 2) kerja pembajaan rumput;
 - 3) Kerja pemotongan rumput;
 - 4) Kerja membuat garisan;
 - 5) Kerja pembersihan;
 - 6) Kerja Kawalan rumput asing; dan
 - 7) Kerja 'Divet' selepas penggunaan padang bola

PBT bersama-sama dengan persatuan bola sepak daerah, kelab-kelab NGO menyokong untuk program mencungkil bakat baru dalam bola sepak sebagai contoh Piala Yang Dipertua dan Akademi Merah Kuning peringkat daerah. Terdapat juga Klinik Bola sepak menggunakan padang bola sepak PBT untuk tujuan program pembangunan bola sepak dengan memberi kemudahan padang tersebut secara percuma atau pun dengan sewaan yang berpatutan melalui potongan kadar harga sewaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : SKIM SMART SEWA

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah objektif utama pelaksanaan Skim tersebut.
- b) Sila nyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan untuk menjayakan Skim tersebut.
- c) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan yang diterima dan kriteria yang dikenakan.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Smart Sewa dengan objektif utama adalah bagi membantu golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dengan kadar sewa yang berpatut berbanding harga pasaran. Mereka ini akan diberi tempoh sewaan minima bagi setiap penyewa adalah selama 2 tahun dan maksima selama 5 tahun.

Penyewa akan mendapat pulangan semula 30 peratus daripada jumlah sewaan yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan dalam tempoh minima 2 tahun. Dengan pengembalian sebanyak 30 peratus wang sewaan kepada pemohon selama tempoh simpanan tersebut maka bayaran tersebut boleh dijadikan sebagai wang pendahuluan dalam pembelian Rumah Selangorku pada masa akan datang. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) akan memberikan keutamaan dalam penawaran kepada pemohon berkenaan untuk ditawarkan mana-mana projek Rumah Selangorku sedia ada sekiranya terdapat kekosongan unit.

- b) Sehingga hari ini, sebanyak 861 unit rumah mampu milik dengan kos RM123.14 juta telahpun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat , memandangkan skim Smart Sewa ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari golongan *millennials*, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meningkatkan pembentangan Skim Smart-Sewa

kepada RM100 juta untuk membeli unit-unit rumah di lokasi strategik yang akan disewakan kepada mereka yang berkelayakan. Setakat ini sebanyak 861 unit rumah mampu milik telah pun diproses untuk pemilikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi melancarkan pelaksanaan skim ini. Berdasarkan rekod, akibat kegagalan mendapatkan pinjaman perumahan Rumah Selangorku, dijangkakan seramai 4,967 pemohon yang berminat untuk menyewa di bawah Skim Smart Sewa.

Sehingga kini 220 unit rumah telah sedia untuk disewakan dengan kadar sewaan daripada RM550.00 sebulan sehingga RM650.00 sebulan. Manakala sehingga hujung tahun ini sebanyak 111 unit lagi dijangka akan disiapkan dan sedia untuk disewakan manakala bakinya sebanyak 530 unit dijangka dapat disiapkan untuk disewakan mulai tahun 2018 hingga 2020.

Manakala pemilihan para peserta yang layak adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i. Warganegara Malaysia termasuk pasangan pemohon;
- ii. Berusia 18 tahun ke atas dan berkeluarga atau mempunyai tanggungan;
- iii. Pendapatan seisi keluarga iaitu:
 - a) tidak melebihi RM5,000.00 sebulan bagi permohonan sewa rumah Jenis A atau Rumah Kos Rendah; dan
 - b) tidak melebihi RM15,000.00 sebulan dengan keutamaan diberikan kepada pendapatan kurang daripada RM10,000.00 sebulan bagi permohonan sewa rumah Jenis B, C dan D termasuk rumah kos sederhana dan sederhana rendah;
- iv. Pemohon atau suami / isteri tinggal atau bekerja di Negeri Selangor;
- v. Pemohon tidak mempunyai atau memiliki kediaman di Selangor (di beri keutamaan); atau mempunyai kediaman tetapi terletak melebihi 50 km daripada tempat sewa dipohon serta mestilah berdekatan dalam lingkungan 25 km perjalanan dari tempat kerja;
- vi. Pemohon merupakan pengundi di Negeri Selangor;
- vii. Tempoh sewaan minima selama 2 tahun akan diberikan pemulangan sewaan sebanyak 30% daripada jumlah sewaan yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan. Tempoh maksima sewaan adalah 5 tahun; dan

- viii. Penyewa akan diberikan pemulangan sewaan 30% daripada jumlah sewaan yang dibayar sekiranya menamatkan perjanjian sewaan dalam tempoh minima setahun atas sebab berpindah ke Rumah Selangorku yang ditawarkan oleh LPHS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : TINDAKAN KERAJAAN DALAM MEMASTIKAN SEKOLAH-SEKOLAH
TAHFIZ MEMPUNYAI KUALITI KESELAMATAN**

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan dalam memastikan sekolah-sekolah tahfiz mempunyai kualiti keselamatan daripada kebakaran?

JAWAPAN:

- a) Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan Pemeriksaan Sekolah Tahfiz di Selangor daripada Dengkil. (Soalan No. 44)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : MASALAH INFRASTRUKTUR

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Di Kampung Seri Sentosa, Kampung Sri Aman dan Kampung Kereta Api penduduk2 dan peneroka2 masih menunggu selesainya penukaran tanah yang di janji akan siap bulan Oktober 2017. Apakah status terkini dan kenapa melambatkan penyelesaian ukuran tanah?

JAWAPAN:

- a) **Kampung Sri Aman, Mukim Ijok**

Pengukuran telah pun dibuat oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor (JUPEM). Setelah semakan status dibuat di laman web Jupem2u, didapati pihak JUPEM masih dalam proses untuk mengeluarkan Pelan Akui (PA).

Kampung Sri Sentosa, Mukim Ijok

Status terbaru setakat 27 Oktober 2017, terdapat lima belas (15) Pelan Akui (PA) yang telah dikeluarkan oleh pihak JUPEM seperti senarai berikut:

1. PA 233690
2. PA 233691
3. PA 231024
4. PA 231025
5. PA 231026
6. PA 231027
7. PA 230163
8. PA 230164
9. PA 230165
10. PA 231445
11. PA 230553
12. PA 231173
13. PA 231174
14. PA 231175
15. PA 231176

Keseluruhan jumlah lot tanah yang telah diukur oleh pihak JUPEM adalah sebanyak 116 lot. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 79 lot yang telah mempunyai PA manakala baki 37 lot lagi adalah masih dalam tindakan pihak JUPEM.

Kampung Keretapi, Mukim Ijok

1. Tanah tersebut telah di ceroboh oleh penduduk setempat dengan membina bangunan kediaman sejak 20 tahun lalu dan tidak dapat diselesaikan kerana ianya adalah rizab keretapi dan di bawah jagaan/kawalan Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Berdasarkan surat PAK bertarikh 8 September 2016 bersetuju melepaskan pegangan tanah seluas 14.415 ekar tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.
2. Perkara ini telah dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 31/2016 yang diadakan pada 21 September 2016 telah meluluskan secara dasar tanah seluas 14.415 ekar kepada penduduk-penduduk Kampung Keretapi Lama dengan syarat penduduk bersetuju untuk berpindah manakala baki tanah dikekalkan sebagai simpanan rizab keretapi.
3. Berdasarkan mesyuarat bersama PAK pada 01 Februari 2017, PAK akan memproses melepaskan pegangan tanah tersebut setelah pelan pra-hitungan disediakan. Pejabat ini telah melantik Juruukur Samsolbahri untuk kerja-kerja pengukuran dan penyediaan pelan pra-hitungan. Pelan telah diserahkan pada 20 Julai 2017 kepada PAK untuk tindakan.
4. Berdasarkan Surat PAK bertarikh 13 Oktober 2017, agensi berkenaan dalam tindakan membawa permohonan pelepasan tanah ini ke Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK untuk mendapatkan keputusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : ADUAN JALAN ROSAK MENGGUNAKAN APLIKASI WAZE

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak aduan kerosakan jalan yang telah diterima dan diselesaikan melalui *Waze Connected Citizens Programme*? Apakah purata tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu kerosakan jalan?
- b) Apakah purata tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu kerosakan jalan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga 23 Oktober 2017 sebanyak 14,887 pelaporan berkaitan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor telah diterima. Perincian adalah seperti berikut:
 1. MBPJ : 3769
 2. MBSA : 1842
 3. MPSJ : 1961
 4. MPAJ : 546
 5. MPK : 2140
 6. MPKj : 2858
 7. MPS : 957
 8. MPSp : 458
 9. MDKL : 128
 10. MDKS : 119
 11. MDHS : 82
 12. MDSB : 27

Secara purata, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menyelesaikan 75% pelaporan yang diterima di dalam bulan pelaporan dibuat.

- b) *Service Level Agreement (SLA)* PBT adalah untuk menyelesaikan pelaporan jalan berlubang dalam masa 5 hari termasuk hari pelaporan dibuat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : BANTUAN KHAS KEWANGAN PESAWAH BENCANA BLB

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah syarat-syarat melayakkan seseorang pesawah menerima bantuan kewangan tersebut?
- b) Berapakah jumlah penerima bantuan kewangan ini?
- c) Adakah kesemua penerima bantuan telah menerima bantuan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk pesawah menerima bantuan kewangan tersebut adalah seperti berikut :-
 1. Penerima adalah merupakan pengusaha sawah (*operator*);
 2. Kawasan yang telah diserang oleh penyakit *BLB* mestilah sekurang-kurangnya 20% dari keseluruhan lot; dan
 3. Lot sawah diperakui oleh Jabatan Pertanian Selangor telah dijangkiti serangan penyakit *BLB* melalui bancian yang telah dibuat oleh jabatan.
- b) Berdasarkan laporan dapatan hasil bancian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Selangor bagi musim 2/2016, sejumlah 8,892 lot sawah yang diusahakan telah dikenal pasti layak untuk diberikan bantuan kewangan dengan jumlah penerima adalah seramai 9,124 orang.
- c) Secara keseluruhannya, penyerahan cek-cek bantuan kewangan kepada pesawah telah pun selesai dilaksanakan pada 20 Jun 2017 bermula dari Kawasan Blok Pengairan Panchang Bedena, Sg. Burong, Sekinchan, Sg. Nipah, Bagan Terap, Sg. Leman dan Sg. Panjang.

Namun begitu, masih terdapat sejumlah 9.5% atau 847 lot sawah yang telah diperakui oleh Jabatan Pertanian Selangor, pengusahaannya masih belum menerima cek bantuan kewangan mereka. Ini adalah disebabkan oleh pertukaran nama penerima disebabkan oleh faktor pesawah asal telah meninggal dunia, kesilapan pada ejaan nama, nombor kad pengenalan dan juga perkara yang berkaitan dengan isu di antara pemilik tanah sawah dengan

pemajak tanah sawah tersebut iaitu pengusaha sebenar sawah (*operator*). Selain daripada itu, terdapat juga isu yang disebabkan oleh cek yang rosak serta cek-cek yang telah tamat tarikh tempoh untuk dimasukkan ke dalam akaun penerima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tapak pelupusan sampah haram yang terdapat di Negeri Selangor.
- b) Nyatakan tindakan kepada Tuan Tanah dan Pengusaha Tapak ini.
- c) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk memulihkan semula tapak tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tapak pelupusan sampah haram yang terdapat di Negeri Selangor adalah berjumlah 106 lot di mana Kuala Selangor mencatatkan jumlah lot tapak pelupusan sampah yang paling tinggi iaitu sebanyak 49 lot.
- b) Bagi pemilik-pemilik tanah yang menjadikan tanahnya sebagai tempat pelupusan sampah, Pentadbir Tanah Daerah akan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 127 hingga Seksyen 130 Kanun Tanah Negara (KTN) kerana melanggar syarat nyata tanah. Sebagai contoh, tanah pertanian yang digunakan sebagai tapak pelupusan sampah.
- c) Secara umumnya, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tidak menyediakan peruntukan untuk memulihkan semula tapak pelupusan sampah haram di atas tanah persendirian.

MAKLUMAT TAMBAHAN

TAPAK PELUPUSAN SAMPAH HARAM DI NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN LOT YANG TERLIBAT
1	SABAK BERNAM	0
2	KUALA SELANGOR	49
3	KLANG	9
4	HULU SELANGOR	0
5	GOMBAK	5
6	KUALA LANGAT	5
7	HULU LANGAT	7
8	PETALING	2
9	SEPANG	29
JUMLAH LOT YANG TERLIBAT		106

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : ISU MRT DAN EKVE (EAST KLANG VALLEY EXPRESSWAY)

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Meminta Kerajaan Negeri menjelaskan mekanisme pemantauan ke atas perlaksanaan Projek tersebut bagi memastikan perlaksanaan projek berkenaan tidak mengabaikan kepentingan Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor.
- b) Apakah bentuk bantuan daripada pihak terbabit sekiranya berlaku kerosakan harta benda, seperti misalnya rumah-rumah retak dan lain-lain?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan peruntukan kuasa yang diberikan, Pihak Berkuasa Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 1/2015 bertarikh 12 Februari 2015 telah membuat ketetapan supaya projek-projek pembangunan infrastruktur seperti pembinaan lebuh raya, LRT, MRT, Rel Berkelaian Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek yang berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Sehubungan dengan itu, tatacara yang digunakan dalam mempertimbangkan dan meluluskan pembinaan lebuh raya di Selangor selepas tarikh tersebut dibuat melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri selaras dengan peruntukan Seksyen 20(A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Oleh yang demikian, semua projek pengangkutan awam dan lebuh raya oleh Kerajaan Persekutuan seperti projek MRT dan EKVE yang melibatkan pelaksanaan di Negeri Selangor perlu mematuhi syarat dan peraturan yang digunakan semua Jabatan dan agensi kerajaan di Negeri Selangor seperti Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) dan Kajian Impak Sosial (SIA) oleh Jabatan Alam Sekitar dan proses kelulusan yang ketat bagi Pengesahan Pelan Rundingan, Pelan Susunatur dan Pelan Bangunan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan serta jabatan-jabatan teknikal yang lain.

Antara perkara-perkara yang diambil kira dalam rundingan adalah seperti berikut:

- 1) Jajaran laluan atau lokasi kemudahan yang mengambil kira faktor *zoning*, guna tanah, koridor pembangunan, penjanaan ekonomi, kemudahsampaian, kesan kepada alam sekitar, kesan sosial dan pemilikan tanah; dan
- 2) Pematuhan kepada dasar, peruntukan akta, garis panduan, peraturan dan syarat-syarat teknikal semasa perancangan dan pelaksanaan projek.

Selain itu, Jawatankuasa Pemantauan Peringkat Negeri juga telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan projek lebuh raya agar tidak mengabaikan kepentingan Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor. Bagi projek MRT pula dipantau melalui mesyuarat penyelarasan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) selaku penyelaras Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor.

- b) Bentuk bantuan daripada pihak terbabit iaitu MRT Corp dan EKVESB sekiranya berlaku kerosakan harta benda adalah seperti berikut:
- 1) Bagi projek yang melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk, Kerajaan Negeri akan memastikan pemaju projek untuk menitikberatkan faktor keselamatan dan kesejahteraan orang ramai sekiranya berlaku kerosakan harta benda mahupun impak sosial yang lain, ketika pembinaan projek dilaksanakan.
 - 2) Bagi projek MRT, MRT Corp. akan memastikan usaha yang sesuai akan diambil supaya impak kerja-kerja pembinaan terhadap kawasan persekitaran dapat diminimakan. Dari segi harta benda yang berada berdekatan dengan kawasan pembinaan, pihak MRT akan menjalankan kajian pra-pembinaan (*pre-construction survey*) dan membuat inventori bagi merekodkan harta benda dan keadaan sedia ada struktur bangunan berkenaan sebagai rujukan. Jika berlaku sebarang kerosakan yang tidak dapat dielakkan semasa kerja-kerja pembinaan MRT, pihak MRT akan membaik pulih kerosakan berkenaan dengan persetujuan pemilik sekiranya siasatan mendapati kerosakan itu disebabkan oleh projek MRT. Dalam keadaan tertentu di mana penghuni-penghuni harta atau kemudahan yang berdekatan dengan tapak pembinaan didapati perlu dipindahkan sementara sebagai langkah keselamatan, pihak MRT akan menguruskan perpindahan dan menanggung kos-kos berkaitan.
 - 3) Secara dasarnya, pihak MRT Corp. akan membaik pulih harta benda yang terlibat berdasarkan keadaan sedia ada sebelum kerosakan berlaku dan menampung kos perpindahan ke unit kediaman atau kemudahan sementara yang setara dengan kediaman atau kemudahan yang terlibat.

- 4) Bagi projek EKVE, pihak konsesi EKVESB telah menjalankan *dilapidation survey* bagi kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai sensitif sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak. *Dilapidation survey* berkenaan akan dijadikan sebagai rekod atau rujukan sekiranya berlaku sebarang kerosakan kepada harta benda individu/awam/pihak ketiga. Sekiranya terdapat aduan kerosakan, prosedur semakan dan pemeriksaan akan dilaksanakan dengan sewajarnya di mana *dilapidation survey* akan dijadikan sebagai *baseline*. Jika kerosakan adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan lebuh raya, maka kerja-kerja pembaikan akan dicadangkan untuk diterima pakai oleh pengadu sebelum pembaikan dibuat.
- 5) Untuk makluman YB, pihak EKVESB dan konsesi lebuh raya yang lain juga mempunyai perlindungan insurans di mana tuntutan boleh dibuat melalui EKVE ataupun agensi pemantauan sekiranya kerosakan harta benda adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan lebuh raya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MASJID BARU DI NEGERI SELANGOR

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa Masjid Baru telah dibina setiap tahun dari tahun 2008 hingga tahun 2016?
- b) Senaraikan masjid-masjid tersebut mengikut daerah dan kos pembinaan tiap-tiap masjid tersebut?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 43 buah masjid telah dibina daripada tahun 2008 sehingga 2016.
- b) Senarai masjid-masjid yang telah dibina adalah seperti berikut:

**SENARAI MASJID YANG TELAH SIAP
DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2016 DI SELANGOR**

Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
1.	Petaling		
1.1.	Masjid Kota Damansara	2008	5.6 juta
1.2.	Masjid Bukit Puchong	2008	5 juta
1.3.	Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Jln Templer	2009	12 juta
1.4.	Masjid & SRA Subang Mewah	2010	10 juta
1.5.	Masjid Subang Perdana	2011	4.1 juta
1.6.	Masjid Kg. Lindungan PJS 6	2011	6.2 juta
1.7.	Masjid Bukit Jelutong	2011	23 juta
1.8.	Masjid Dato' Haji Kamaruddin	2012	8.8 juta
1.9.	Masjid Jamek Tun Uda Sek. 16, Shah Alam	2012	6 juta
1.10.	Masjid Sek. 7 Shah Alam	2013	5.5 juta
Jumlah keseluruhan kos di Petaling			86.2 juta
Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
2.	Kuala Selangor		
2.1.	Masjid Batang Berjuntai	2007	6.5 juta
2.2.	Masjid Assam Jawa	2008	3 juta
2.3.	Masjid Kg.Sg Gulang-Gulang	2009	5.1 juta
2.4.	Masjid Parit Mahang	2009	5.5 juta
2.5.	Masjid Saujana Utama	2009	4.8 juta
2.6.	Masjid Jamiul Khair, Kg. Hj. Razali	2010	5.5 juta
2.7.	Masjid Kg. Sentosa Ladang Tuan Mee	2010	5 juta
2.8.	Masjid Ubudiah Sg. Darah	2011	4.7 juta
2.9.	Masjid Simpang 3, Ijok	2012	5.5 juta
Jumlah keseluruhan kos di Kuala Selangor			45.6 juta

Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
3.	Klang		
3.1.	Masjid Kg. Perepat	2008	4.5 juta
3.2.	Masjid Klang Utara	2009	24.8 juta
3.3.	Masjid Kg. Bukit Kapar	2010	6.3 juta
3.4.	Masjid Kg. Raja Uda	2011	8.2 juta
3.5.	Masjid Taman Sri Muda	2011	7.3 juta
3.6.	Masjid Al-Hidayah, Johan Setia	2015	4.9 juta
3.7.	Masjid Al-Islah Sementa	2016	9.9 juta
3.8.	Masjid Jalan Kebun	2016	7.4 juta
Jumlah keseluruhan kos di Klang			73.3 juta
Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
4.	Hulu Selangor		
4.1.	Masjid Hulu Bernam	2009	6 juta
4.2.	Masjid Kerling	2010	5.9 juta
4.3.	Masjid Felda Sg. Tengi	2012	5.6 juta
4.4.	Masjid Saidina Ali, Bkt Sentosa 2	2013	5.1 juta
Jumlah keseluruhan kos di Hulu Selangor			22.6 juta
Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
5.	Sabak Bernam		
5.1	Masjid Binjai Jaya	2011	5.4 juta
5.2	Masjid Taman Padu Permai	2016	8.3 juta
Jumlah keseluruhan kos di Sabak Bernam			13.7 juta

Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
6.	Gombak		
6.1	Masjid Bandar Tasek Puteri, Kundang	2008	5.2 juta
6.2	Masjid Taman Melawati	2009	6 juta
6.3	Masjid Al-Hidayah Bukit Antarabangsa	2009	5.2 juta
Jumlah keseluruhan kos di Gombak			16.4 juta
Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
7.	Kuala Langat		
7.1	Masjid Kota Seri Langat	2008	2.8 juta
7.2	Masjid Kg. Jenjarum	2011	5.5 juta
7.3	Masjid Kg. Sawah	2012	4.8 juta
Jumlah keseluruhan kos di Kuala Langat			13.1 juta
Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
8.	Hulu Langat		
8.1	Masjid Taman Kosas Ampang	2008	3.7 juta
8.2	Masjid Bandar Baru Ampang	2009	5.5 juta
8.3	Masjid Taman Rakan, Cheras	2010	6 juta
8.4	Masjid Sg. Ramal Luar	2011	4.2 juta
Jumlah keseluruhan kos di Hulu Langat			19.4 juta
Bil	Masjid	Tahun	Kos (RM)
9.	Sepang		
Tiada			0
Jumlah keseluruhan kos di Sepang			0
Jumlah keseluruhan			290.3 juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)**

TAJUK : BIASISWA MENTERI BESAR

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah penerima biasiswa dan jumlah pemberian dari 2014-2017?
- b) Nyatakan statistik permohonan biasiswa menteri besar dari 2014-2017?

JAWAPAN:

a) & b)

Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar telah diumumkan pada Mei 2017 dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 11 Oktober 2017. Biasiswa ini merupakan satu daripada dua bentuk bantuan pendidikan di bawah Program Khas Peduli Siswa Timur Tengah. Program ini menawarkan biasiswa kepada 20 pelajar Ijazah Sarjana Muda yang melanjutkan pengajian di Timur Tengah. Bagi pelaksanaan tahun 2017, tawaran adalah terbuka kepada pelajar tahun 1 dan 2 dalam bidang Pengajian Islam di Mesir sahaja. Walau bagaimanapun, biasiswa ini akan diperluaskan kepada pelajar Pengajian Islam di Jordan dan Maghribi bagi pengajian tahun 2018. Permohonan pertama dibuka bermula 1 November 2017. Buat masa ini, belum ada penerima Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar memandangkan urusan permohonan bagi pengambilan pertama masih dalam proses.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : KELAB PJ

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan pajakan tanah oleh Kelab PJ di Lorong Sultan Petaling Jaya?

JAWAPAN:

- a) Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak menguruskan permohonan pajakan tanah dan ianya di bawah kuasa pejabat Daerah Petaling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PUSAT DIALISIS RAKYAT

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah pusat Dialisis Rakyat yang telah dibina sejak dari 2008?
- Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan?
- Berapakah jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan?

JAWAPAN:

- Pada tahun 2014, terdapat 5 Pusat Dialisis Rakyat yang mula beroperasi seperti berikut :

NAMA PUSAT DIALISIS	PEMILIK / PENGURUS	ALAMAT
Pusat Dialisis Rakyat Ampang		Dewan Datuk Tahir Karim, Jalan Kempas, Kampung Melayu Ampang, 68000 Kuala Lumpur.
Pusat Dialisis Rakyat Taman Medan		11A-1 , Jln PJS 3/32 Taman Sri manja, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
Pusat Dialisis Rakyat Lembah Keramat	Gedung Penawar Sdn Bhd	Dewan Orang Ramai, Lembah Keramat, Jalan AU5C/10, Ampang, 54200 Kuala Lumpur.
Pusat Dialisis Rakyat Sementa		No 7, 9 & 11, Jalan Sg Kapar Indah 3G Taman Sg Kapar Indah 42209 Klang
Pusat Rawatan Dialisis Rakyat Sri Muda		Lorong klinik, Batu 7, Kg. Jalan Kebun, 42450 Klang, Selangor.

Bermula pada tahun 2015, Kerajaan Negeri meneruskan program ini dengan di bawah Program Panel Dialisis Sihat Selangor iaitu dengan bekerjasama dengan pusat rawatan yang berdaftar dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menjadi Panel Dialisis. Panel Dialisis ini akan memberi rawatan kepada pesakit dialisis dengan kos rawatan sebahagiannya

ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini, terdapat 72 buah Panel Dialisis yang bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Selangor dan juga yang bersempadan.

b) dan c)

Kerajaan Negeri mula melaksanakan Program Bantuan Sihat Selangor pada tahun 2010. Salah satu bantuan yang diberikan adalah kepada pesakit kegagalan buah pinggang untuk menjalani rawatan dialisis. Sebanyak RM3,738,762.00 peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pembayaran rawatan dialisis iaitu dengan jumlah seramai 1,412 pesakit yang menerima rawatan dialisis sejak tahun 2010 sehingga 2016. Pecahan peruntukan yang telah dibelanjakan adalah seperti berikut :

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PESAKIT
2010	123,950.00	64
2011	152,980.00	79
2012	230,000.00	115
2013	267,160.00	146
2014	218,110.00	111
2015	1,042,703.00	299
2016	1,703,859.00	598
JUMLAH	3,738,762.00	1,412

Bermula tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan bagi program Panel Dialisis Sihat Selangor kepada RM5,000,000.00 setahun dengan mengganggarkan seramai 1,000 orang pesakit akan menerima manfaat tersebut. Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak RM3,570,000.00 telah diluluskan kepada 639 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : KADAR CUKAI PINTU PBT

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kadar cukai pintu mengikut kategori bangunan mengikut pecahan PBT.
- b) Senaraikan kenaikan atau perubahan kadar cukai pintu bagi 1990-2017 mengikut kategori bangunan dan pecahan PBT.
- c) Bagi setiap satu ringgit yang dikutip, apakah pecahan ikut jenis kegunaan hasil yang dikutip oleh PBT?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai pintu bangunan di PBT adalah berbeza-beza berikutan nilai haratanah dan kepadatan yang berbeza. Pecahan Kadar Cukai Taksiran mengikut PBT adalah seperti berikut:

BIL	PBT	Caj Cukai Taksiran (RM)
1.	MBSA	2.0% - 7.5%
2.	MBPJ	5% - 8.8%
3.	MPK	2.2% - 11.5%
4.	MPAJ	1.1% - 7.15%
5.	MPSJ	2% - 8%
6.	MPS	4% - 12%
7.	MPKj	2.2% - 11%
8.	MPSp	4% - 9.45%
9.	MDKL	1% - 14%
10.	MDHS	1% - 14%
11.	MDKS	6% - 12%

BIL	PBT	Caj Cukai Taksiran (RM)
12.	MDSB	7% - 13%

- b) Kenaikan atau perubahan cukai taksiran yang terkini adalah di Majlis Bandaraya Shah Alam yang mengguna pakai aras tahun nilaiang 2006. Senarai PBT serta tahun aras nilaiang yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

BIL	PBT	ARAS TAHUN NILAIAN
1.	MBSA	2006
2.	MBPJ	1992
3.	MPK	1993
4.	MPAJ	1997
5.	MPSJ	1992 & 1996
6.	MPS	1992
7.	MPKj	1985
8.	MPSp	1996
9.	MDKL	1987
10.	MDKS	1997
11.	MDHS	1996
12.	MDSB	1986

- c) Tiada pecahan secara spesifik mengikut setiap satu ringgit yang dikutip oleh PBT berikutan ianya disatukan dalam hasil dan dirancang bagi perbelanjaan menyediakan perkhidmatan, yang merangkumi perkhidmatan secara langsung dan tidak langsung seperti berikut:
1. Pembangunan kawasan, iaitu dari segi pengindahan bandar, penyediaan dan penjagaan kemudahan awam seperti lampu jalan, pokok, perhentian bas, pasar, jalan di kawasan perumahan, taman-taman permainan, longkang serta lain-lain;

2. Pembangunan sosial atau kemudahan awam seperti padang permainan, dewan orang ramai, kompleks sukan serta lain-lain kemudahan kepada rakyat untuk beriadah; dan
3. Pembersihan bandar seperti perkhidmatan memungut sampah, pengawalan nyamuk atau penyakit berjangkit (kawalan vektor), pembersihan kawasan awam dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah perpustakaan di Selangor mengikut daerah.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan perpustakaan awam selesa dan menarik?
- c) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi menaik taraf perpustakaan awam dari 2014-2017?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

RINGKASAN JAWAPAN

Perpustakaan Awam Selangor mempunyai 103 pusat perkhidmatan diseluruh Selangor yang terdiri daripada tiga belas (13) di Daerah Petaling, tujuh (7) di Daerah Klang, sebelas (11) di Daerah Kuala Langat, empat belas (14) di Daerah Kuala Selangor, dua puluh enam (26) di Daerah Sabak Bernam, dua belas (12) di Daerah Hulu Langat, sembilan (9) di Daerah Hulu Selangor, empat (4) di Daerah Gombak dan tujuh (7) di Daerah Sepang.

Daerah	Kategori Perpustakaan						Jumlah
	Pusat	Daerah	Cawangan	Pekan	Desa	Bergerak	
Petaling	1	-	-	1	4	7	13
Klang	-	1	1	1	4	-	7
Kuala Langat	-	1	-	-	9	1	11
Kuala Selangor	-	1	1	1	11	-	14
Sabak Bernam	-	1	-	2	22	1	26
Hulu Langat	-	1	1	3	7	-	12
Hulu Selangor	-	1	-	1	7	-	9
Gombak	-	1	1	-	2	-	4
Sepang	-	-	-	1	6	-	7
Jumlah	1	7	4	10	72	9	103

Bagi memastikan perpustakaan awam selesa dan menarik adalah dengan usaha penjenamaan perpustakaan (*rebranding*) yang bermula pada tahun 2009 yang telah

memberikan impak yang positif kepada masyarakat. Ia melibatkan 3 elemen utama iaitu pembangunan infrastruktur, koleksi dan perubahan hati, minda serta sikap kakitangan. Perpustakaan dilengkapsan dengan perkakasan IT dan multimedia, pendingin hawa, WiFi dan kelengkapan dalaman berkonsepkan “Rumah Keduaku” atau “My Second Home”.

Sehingga kini sebanyak 44 perpustakaan telah dinaik taraf. Sambutan Masyarakat dibuktikan dengan jumlah pengunjung yang semakin meningkat. Iaitu **1,457,450 juta pengunjung** pada tahun 2015, meningkat kepada **1,722,595 juta pada tahun 2016** iaitu (peningkatan 18%). Serta bagi tahun 2017; Januari sehingga September adalah sebanyak **1,264,403 pengunjung**.

Pada tahun 2016 telah dilaksanakan **7,580 aktiviti** dengan menerima **1,387,986 juta peserta (penyertaan oleh masyarakat)**.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh pihak UPEN bagi menaiktaraf perpustakaan dari tahun 2014 sehingga 2017 adalah sebanyak RM8,120,000.00 dengan butiran seperti berikut:

Tahun	Jumlah
2014	RM 700,000.00
2015	RM 720,000.00
2016	RM 4,850,000.00
2017	RM 1,850,000.00
JUMLAH	RM 8,120,000.00

PERINCIAN JAWAPAN SOALAN A

Kategori keseluruhan Perpustakaan di Negeri Selangor (PPAS)

Daerah	Kategori Perpustakaan						Jumlah
	Pusat	Daerah	Cawangan	Pekan	Desa	Bergerak	
Petaling	1	-	-	1	4	7	13
Klang	-	1	1	1	4	-	7
Kuala Langat	-	1	-	-	9	1	11
Kuala Selangor	-	1	1	1	11	-	14
Sabak Bernam	-	1	-	2	22	1	26
Hulu Langat	-	1	1	3	7	-	12
Hulu Selangor	-	1	-	1	7	-	9
Gombak	-	1	1	-	2	-	4
Sepang	-	-	-	1	6	-	7
Jumlah	1	7	4	10	72	9	103

Butiran terperinci perpustakaan adalah seperti berikut:

PERPUSTAKAAN	
DAERAH PETALING	
1	Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam
2	Perpustakaan Komuniti Sri Manja
3	Perpustakaan Desa Kuang
4	Perpustakaan Desa Kg. Sg. Pelong
5	Perpustakaan Desa Kubu Gajah
6	Perpustakaan Desa Kg Lindungan, Petaling Jaya
7	Perpustakaan Bergerak Selangor Best- MBPJ
8	Perpustakaan Bergerak Selangor Best- MPAJ
9	Perpustakaan Bergerak Selangor Best- MPS
10	Perpustakaan Bergerak Selangor Best
11	Perpustakaan Bergerak Selangor Best
12	Perpustakaan Bergerak Selangor Best
13	Perpustakaan Bergerak Selangor Best
DAERAH KLANG	
1	Perpustakaan Daerah Klang
2	Perpustakaan Komuniti Sg Udang
3	Perpustakaan Komuniti Sri Perantau
4	Perpustakaan Caw. Pelabuhan Klang
5	Perpustakaan Desa Meru
6	Perpustakaan Desa Pulau Indah
7	Perpustakaan Desa Bukit Kapar
DAERAH KUALA LANGAT	
1	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
2	Perpustakaan Desa Jenjarom
3	Perpustakaan Desa Olak Lempit
4	Perpustakaan Desa Sri Jugra
5	Perpustakaan Desa Kg Endah
6	Perpustakaan Desa Sijangkang
7	Perpustakaan Desa Ladang Batu
8	Perpustakaan Desa Batu Laut
9	Perpustakaan Desa Sg Kelambu
10	Perpustakaan Desa Kg Morib
11	Perpustakaan Bergerak M3 (BANTING)
DAERAH KUALA SELANGOR	
1	Perpustakaan Daerah Kuala Selangor
2	Perpustakaan Pekan Batang Berjuntai
3	Perpustakaan Cawangan Tanjung Karang
4	Perpustakaan Desa Parit Mahang
5	Perpustakaan Desa Ijok
6	Perpustakaan Desa Sg. Gulang-Gulang
7	Perpustakaan Desa Sri Tiram Jaya
8	Perpustakaan Desa Bukit Badong
9	Perpustakaan Desa Jeram
10	Perpustakaan Desa Assam Jawa
11	Perpustakaan Desa Puncak Alam
12	Perpustakaan Desa Estet Tunku Abdul Rahman
13	Perpustakaan Desa Bukit Kerayong
14	Perpustakaan Desa Sg Sireh

DAERAH SABAK BERNAM	
1	Perpustakaan Daerah Sabak Bernam
2	Perpustakaan Pekan Sekinchan
3	Perpustakaan Dataran Sabak Bernam
4	Perpustakaan Desa Parit Baru
5	Perpustakaan Desa Binjai Jaya
6	Perpustakaan Desa Parit 14
7	Perpustakaan Desa Parit 8
8	Perpustakaan Desa Bagan Terap
9	Perpustakaan Desa Bagan Nakhoda Omar
10	Perpustakaan Desa Pasir Panjang
11	Perpustakaan Desa Sg. Air Tawar
12	Perpustakaan Desa Batu 2, Sepintas
13	Perpustakaan Desa Kg. Banting
14	Perpustakaan Desa Sg. Apong
15	Perpustakaan Desa Tebuk Berihun
16	Perpustakaan Desa Taman Muhibbah
17	Perpustakaan Desa Batu 4 Sepintas
18	Perpustakaan Desa Batu 38
19	Perpustakaan Desa Simpang Lima
20	Perpustakaan Desa Tebuk Mufrad
21	Perpustakaan Desa Tebuk Pulai
22	Perpustakaan Desa Parit 6
23	Perpustakaan Desa Parit 11
24	Perpustakaan Desa Parit 7
25	Perpustakaan Desa Taman Setia Jaya
26	Perpustakaan Bergerak M9 (SUNGAI BESAR)
DAERAH HULU LANGAT	
1	Perpustakaan Daerah Hulu Langat
2	Perpustakaan Cawangan Kajang
3	Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya
4	Perpustakaan Pekan Semenyih
5	Perpustakaan Komuniti Ampang Waterfront
6	Perpustakaan Desa Lembah Jaya
7	Perpustakaan Desa Batu 14, Hulu Langat
8	Perpustakaan Desa Cheras Baru / Taman Mawar
9	Perpustakaan Desa Beranang
10	Perpustakaan Desa Kg. Pandan
11	Perpustakaan Desa Kg. Melayu Ampang
12	Perpustakaan Desa Mahkota
DAERAH HULU SELANGOR	
1	Perpustakaan Syed Mashor
2	Perpustakaan Pekan Hulu Bernam
3	Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung
4	Perpustakaan Desa Sg. Selisih
5	Perpustakaan Desa Sg. Choh
6	Perpustakaan Desa Sg. Masin
7	Perpustakaan Desa Kerling
8	Perpustakaan Desa Kalumpang
9	Perpustakaan Desa Kg Serigala
DAERAH GOMBAK	
1	Perpustakaan Daerah Gombak
2	Perpustakaan Rawang

3	Perpustakaan Desa Al-Syakirin
4	Perpustakaan Desa Kg Kemensah
DAERAH SEPANG	
1	Perpustakaan Pekan Sungai Pelek
2	Perpustakaan Desa Bukit Bangkong
3	Perpustakaan Desa Kg. Sg. Merab
4	Perpustakaan Desa Jenderam Hilir
5	Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali
6	Perpustakaan Desa Bagan Lalang
	Perpustakaan Desa Kg Hulu Chuchoh

PERINCIAN JAWAPAN SOALAN B

Kerajaan Negeri memastikan perpustakaan awam selesa dan menarik adalah dengan usaha penjenamaan perpustakaan (*rebranding*) yang bermula pada tahun 2009 telah memberikan impak yang positif kepada masyarakat melibatkan 3 elemen utama iaitu pembangunan infrastruktur, koleksi dan perubahan hati, minda & sikap kakitangan.

Salah satu diantara 3 elemen yang terlibat adalah Pembangunan Infrastruktur Perpustakaan (Selesa, Cantik & Kondusif). Melaluinya, perpustakaan berusaha memberikan penekanan kepada membaik pulih infrastuktur bangunan yang melibatkan bumbung, lantai, struktur bangunan, pendawaian dan tandas disamping itu perpustakaan juga akan dilengkapkan dengan perabut yang selesa, ruang solat, perkakasan IT, WiFi percuma dan dekorasi dalaman yang cantik dan ceria berkonsepkan atau ‘Rumah Keduaku’ atau ‘My Second Home’.

PENJENAMAAN SEMULA BANGUNAN-BANGUNAN PERPUSTAKAAN.

Perpustakaan kini telah ditransformasikan menjadi hub ilmuan, hub pendidikan dan pusat tumpuan komuniti (*community centric*) dengan konsep Penjenamaan Semula Perpustakaan (*rebranding*) dan Perpustakaan sebagai Rumah Kedua Ku (*Library My Second Home*).

Diantara keutamaan bagi konsep penjenamaan semula perpustakaan adalah dengan menaiktaraf keseluruhan bangunan perpustakaan seperti pemberian bumbung, lantai, tandas dan mengelat semula bangunan

KEMUDAHAN

Bangunan-bangunan perpustakaan mula dijenama, dengan konsep yang lebih menarik melibatkan:-

1. Perkhidmatan multimedia dan komputer
2. Internet dan wifi percuma
3. Komputer
4. Kemudahan bilik seminar

5. Kemudahan surau serta tandas yang bersih
6. Penghawa dingin

KOLEKSI DAN BAHAN RUJUKAN TERKINI

Koleksi terkini sentiasa disediakan pada setiap bulan meliputi:

1. Koleksi buku-buku bacaan terbitan semasa
2. Koleksi peperiksaan yang bersesuaian untuk UPSR, PT3, SPM & STPM
3. Buku-buku ilmiah untuk tujuan rujukan dan penyelidikan
4. Langganan majalah-majalah ilmiah setiap bulan
5. Surat khabar harian

PROGRAM DAN AKTIVITI

Perpustakaan juga memperluaskan usaha menarik minat masyarakat mengunjung perpustakaan melalui pendekatan seperti berikut:

1. Kempen keahlian ke sekolah-sekolah / tadika berdekatan
2. Menyertai karnival/ program yang dianjurkan oleh jabatan lain
3. Mempergiatkan pinjaman berkelompok
4. Anugerah peminjam terbanyak di semua peringkat
5. Mempromosikan Pusat Siber Rakyat (PSR) & perkhidmatan IT
6. Menyediakan kemudahan dewan dan bilik-bilik mesyuarat dan perbincangan
7. Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit
8. Pesta Buku Selangor

Berikut adalah perbandingan jumlah pengunjung dari tahun 2008 sehingga September 2017 bagi Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam dan Perpustakaan-perpustakaan di seluruh Selangor:

TAHUN	PENGUNJUNG	PENGUNJUNG	PENGUNJUNG
	RAJA TUN UDA	DAERAH	KESELURUHAN
2008	120,481	648,382	768,863
2009	151,397	689,301	840,698
2010	146,924	710,309	857,233
2011	176,505	682,682	859,187
2012	619,452	683,535	1,302,987
2013	754,478	713,222	1,467,700
2014	814,848	760,514	1,575,362
2015	696,083	761,367	1,457,450

TAHUN	PENGUNJUNG RAJA TUN UDA	PENGUNJUNG DAERAH	PENGUNJUNG KESELURUHAN
2016	909,656	812,939	1,722,595
2017	681,940	582,463	1,264,403
Jan-Sept 2017			

Untuk makluman mulai tahun 2005 sehingga kini terdapat 44 perpustakaan yang telah mengalami proses penjenamaan.

	Nama Perpustakaan	Daerah	Tarikh Buka
2005			
1	Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, Daerah Petaling	Petaling	26 Mei 2009
2010			
2	Perpustakaan Awam Selangor Semenyih - Hulu Langat	Hulu Langat	15 Mac 2010
3	Perpustakaan Awam Selangor Bukit Beruntung - Hulu Selangor	Hulu Selangor	14 April 2010
4	Perpustakaan Awam Selangor Sri Manja - Petaling	Petaling	18 Oktober 2010
2011			
5	Perpustakaan Awam Selangor Sri Perantau - Klang	Klang	31 Mei 2011
6	Perpustakaan Awam Selangor Ampang Waterfront - Ampang, Hulu Langat	Hulu Langat	17 Oktober 2011
7	Perpustakaan Awam Selangor Bukit Bangkong - Sepang	Sepang	17 Mac 2012
8	Perpustakaan Awam Selangor Pandan Jaya - Ampang, Hulu Langat	Hulu Langat	9 Jun 2012
9	Perpustakaan Awam Selangor Kajang - Hulu Langat	Hulu Langat	21 Feb 2013
2013			
10	Perpustakaan Awam Selangor Rawang - Gombak	Gombak	24 Mac 2013
11	Perpustakaan Awam Selangor Lembah Jaya - Ampang, Hulu Langat	Hulu Langat	2 Sep 2014
12	Perpustakaan Awam Selangor Sungai Udang, Klang - Klang	Klang	15 Sep 2014
2014			
13	Perpustakaan Awam Selangor Kuang - Gombak	Gombak	21 Dis 2015
14	Perpustakaan Awam Selangor Jenjarum - Kuala Langat	Kuala Langat	21 Dis 2015
15	Perpustakaan Awam Selangor Parit Baru – Sabak Bernam	Sabak Bernam	21 Dis 2015
16	Perpustakaan Awam Selangor Parit Mahang - Kuala Selangor	Kuala Selangor	4 April 2016
17	Perpustakaan Awam Selangor Daerah Hulu Langat, Bangi - Hulu Langat	Hulu Langat	27 Mei 2016
18	Perpustakaan Awam Selangor Sungai Pelek, Sepang - Sepang	Sepang	21 Jun 2016
19	Perpustakaan Awam Selangor Sungai Merab - Kajang, Hulu Langat	Hulu Langat	1 Mac 2017
20	Perpustakaan Awam Selangor Parit 14, Sabak Bernam - Sabak Bernam	Sabak Bernam	1 Mac 2017

	Nama Perpustakaan	Daerah	Tarikh Buka
21	Perpustakaan Awam Selangor Parit 8, Sabak Bernam - Sabak Bernam	Sabak Bernam	8 Jun 2016
2016			
22	Perpustakaan Awam Selangor Batu 14, Hulu Langat - Hulu Langat	Hulu Langat	1 Mac 2017
23	Perpustakaan Awam Selangor Kg. Sungai Selisek - Hulu Selangor	Hulu Selangor	1 Mac 2017
24	Perpustakaan Awam Selangor Jenderam Hilir - Sepang	Sepang	1 Mac 2017
25	Perpustakaan Awam Selangor Kg. Dato Ahmad Razali - Sepang	Sepang	1 Mac 2017
26	Perpustakaan Awam Selangor Sijangkang - Klang	Klang	1 Mac 2017
27	Perpustakaan Awam Selangor Sekinchan	Sabak Bernam	1 Mac 2017
28	Perpustakaan Awam Selangor Kg. Lindungan	Petaling	2017
29	Perpustakaan Awam Selangor Tanjung Karang	Kuala Selangor	2017
30	Perpustakaan Awam Selangor Gombak	Gombak	2017
31	Perpustakaan Awam Selangor Daerah Sabak Bernam	Sabak Bernam	2017
32-36	Perpustakaan Bergerak #SmartSelangor - Selangor B.E.ST	LPHS (4 unit)	1 Mac 2017
37-39	Perpustakaan Bergerak #SmartSelangor - PPAS	PPAS (3 unit)	1 Mac 2017
2017			
40	Perpustakaan Awam Selangor Sg. Gulang-Gulang	Kuala Selangor	Nov 2017
41	Perpustakaan Awam Selangor Kampung Ijok	Kuala Selangor	Nov 2017
42	Perpustakaan Awam Selangor Taman Mawar	Ampang	Nov 2017
43	Perpustakaan Awam Selangor Kampung Binjai Jaya	Sabak Bernam	Nov 2017
44	Perpustakaan Awam Selangor Pekan Hulu Bernam	Hulu Selangor	Nov 2017

Berikut adalah perbandingan aktiviti dan jumlah peserta dari tahun 2014 sehingga 2016

Perkara	Tahun 2014	Tahun 2015	Tahun 2016
Jumlah Aktiviti	3,615 aktiviti	6,680 aktiviti	7,580 aktiviti
Jumlah Peserta	1,091,904 peserta	1,167,785 peserta	1,387,986 peserta

STATISTIK PROGRAM/AKTIVITI DI PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR BAGI TAHUN 2016



TAHUN 2016

PESERTA

1,387,986

AKTIVITI

7,580

Jom Baca Bersama
Untuk 10 Minit 2016
850,481 peserta

Pesta Buku Selangor 2016
168,645 peserta

Malaysia Ngaji 2016
6,495 peserta

Aktiviti di Perpustakaan
Raja Tun Uda
1,428 aktiviti
32,708 peserta

Lain-lain aktiviti
329,657 peserta

STATISTIK PROGRAM/AKTIVITI DI PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR BAGI TAHUN 2015



TAHUN 2015

PESERTA

1,167,785

AKTIVITI

6,680

Jom Baca Bersama
Untuk 10 Minit
638,776 peserta

Pesta Buku Selangor 2015
265,770 peserta

Aktiviti di Perpustakaan
Raja Tun Uda
1,486 aktiviti
49,544 peserta

Lain-lain aktiviti
213,695 peserta

STATISTIK PROGRAM/AKTIVITI DI PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR BAGI TAHUN 2014



TAHUN 2014

PESERTA

1,091,904

AKTIVITI

3,615

Jom Baca Bersama
Untuk 10 Minit
610,000 peserta

Pesta Buku Selangor 2014
317,896 peserta

Aktiviti di Perpustakaan
Raja Tun Uda
1,021 aktiviti
45,433 peserta

Lain-lain aktiviti
118,575 peserta

PERINCIAN JAWAPAN SOALAN C:-

Peruntukan yang telah diluluskan oleh pihak UPEN bagi menaiktaraf perpustakaan awam dari 2014- 2017 adalah seperti berikut:-

Tahun Projek	Pecahan Projek	Peruntukan diluluskan
2014	Perpustakaan Desa <ul style="list-style-type: none"> - Kerja-kerja membuka, membekal dan measang semula bumbung Perpustakaan Pandan Jaya, Ampang 	RM 300,000.00
	Baikpulih <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Kuang, Gombak - Perpustakaan Desa Parit Baru, Sabak Bernam. - Perpustakaan Desa Jenjarom, Banting. - Perpustakaan Parit Mahang, Kuala Selangor 	RM 400,000.00
2015	Perpustakaan Desa <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Desa Parit 8, Sungai Besar, Selangor - Perpustakaan Desa Sg Merab, Kajang, Selangor 	RM 350,000.00
	Baikpulih <ul style="list-style-type: none"> - Kerja-kerja mengecat dinding luaran dan bumbung sediada serta baikpulih surau, tandas dan kafetaria sedia serta pagar dinding batu dan pagar jenis sliding di Perpustakaan Daerah Bangi, Hulu Langat - Perpustakaan Desa Parit 14, Jalan Sg Panjang,Sungai Besar 	RM 370,000.00
2016	Menaiktaraf Perpustakaan Daerah <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Daerah Sabak Bernam - Perpustakaan Daerah Gombak 	RM 2,750,000.00
	Perpustakaan Pekan <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Pekan Sekinchan, Selangor 	RM 400,000.00
	Membina Baru Perpustakaan Desa <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Kg Lindungan, Petaling Jaya 	RM 450,000.00
	Menaiktaraf Perpustakaan Desa <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Desa Sg Selisik, Hulu Selangor 	RM 1,250,000.00

	<ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Desa Bt 14, Hulu Langat - Perpustakaan Desa Sijangkang , Kuala Langat - Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang - Perpustakaan Desa Kg Dato' Ahmad Razali, Dengkil 	
2017	<p>Perpustakaan Pekan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Pekan Hulu Bernam, <p>Membina Baru Perpustakaan Desa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Taman Seri Medan, Sijangkang <p>Menaiktaraf Perpustakaan Desa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perpustakaan Desa Ijok, Kuala Selangor - Perpustakaan Desa Binjai Jaya, Sungai Besar - Perpustakaan Desa Gulang-Gulang, Tg Karang - Perpustakaan Desa Taman Mawar, Cheras 	RM 400,000.00 RM 450,000.00 RM 1,000,000.00
2014-2017	JUMLAH PERUNTUKAN BAGI MENAIKTARAF PERPUSTAKAN AWAM	RM 8,120,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

TAJUK : PROJEK HORAS

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek ini berjalan mengikut jadual asal dan akan berakhir mengikut jadual?
- b) Berapa peratus *progres* projek buat masa ini?

JAWAPAN:

- a) dan b)

Bagi kerja-kerja pengorekan kolam yang dilaksanakan oleh KSSB, setakat 30 September 2017, kerja-kerja di tapak telah mencapai 85%. Kerja-kerja pengorekan ini dijadualkan siap sepenuhnya pada akhir Disember 2017. Manakala kerja-kerja membina cerun kolam pula, ia dijadualkan siap pada 15 Ogos 2018. Kerja-kerja ini adalah bergantung sepenuhnya kepada kerja-kerja yang disiapkan oleh KSSB. Kemajuan kerja di tapak setakat 30 September 2017 adalah sebanyak 56%. Sementara itu, bagi kerja-kerja pembinaan rumah pam pula, tapak baru diserahkan kepada kontraktor pada 14 Ogos 2017 dan kerja-kerja dijadualkan siap pada 13 Disember 2018. Secara keseluruhannya projek HORAS akan siap sepenuhnya mengikut tarikh siap kontrak pembinaan rumah pam iaitu pada 13 Disember 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : S.O.P PENGAMBILAN TANAH

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mewujudkan S.O.P pengambilan tanah, khususnya seperti yang didakwa pihak tertentu berikut kes perobohan Kuarters Masjid Subang dan Kuarters Hospital Kajang baru-baru ini?

JAWAPAN:


- a) Kes perobohan kuarters Masjid Subang dan kuarters Hospital Kajang yang telah diadakan baru-baru ini adalah dijalankan di atas tanah hak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). PTP merupakan pemilik berdaftar ke atas semua tanah-tanah milik Persekutuan.

S.O.P. pengambilan tanah telah lama wujud dan Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan Manual Pengambilan Tanah pada 26 September 2016 pada Seminar “*Land Acquisition In Selangor : Implementation & Rights*”. Manual Pengambilan Tanah ini bertujuan untuk menyeragamkan proses pengambilan tanah di setiap Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) di negeri Selangor. Manakala, bagi semua tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PTD adalah mengikut prosedur dan berlandaskan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.

Bagi situasi yang didakwa oleh sesetengah pihak bahawa pihak Kerajaan Negeri merobohkan kuarters-kuarters tersebut adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana tanah tersebut adalah merupakan tanah di bawah hak milik PTP. PTP sebagai pemilik tanah boleh memajakkan tanah miliknya kepada badan berkanun atau syarikat tempatan atau organisasi.

Kehadiran Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) di lokasi perobohan adalah sebagai Pentadbir Tanah yang bertanggungjawab terhadap isu penguatkuasaan ke atas semua Tanah Kerajaan. Tanah Kerajaan termasuklah semua tanah Kerajaan Negeri dan tanah Kerajaan Persekutuan.

MAKLUMAT TAMBAHAN



SAMBUNGAN MAKLUMAT TAMBAHAN

